



27 SEP, 2023

TNB anggar pemulihan ICPT RM7 bilion KEWANGAN



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

KEWANGAN

TNB anggar pemulihan ICPT RM7 bilion

KUALA LUMPUR - Tenaga Nasional Bhd (TNB) menganggarkan pemulihan kira-kira RM7 bilion daripada Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) yang belum diterima berdasarkan arah aliran harga bahan api semasa bagi separuh pertama tahun kewangan 2024 (1H FY2024).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din berkata, ia mencerminkan pendirian proaktif TNB dalam mengurus prospek kewangan serta mengawal perbelanjaan berkaitan bahan api.

Presiden dan Ketua Pegawai

Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din berkata, perkembangan tersebut secara ketara mengukuhkan modal kerja TNB, sekali gus meningkatkan aliran tunai dan memperbaiki tahap penggearan pada 2023.

“Pengurusan kewangan berhemah TNB ini membolehkan syarikat memberi ganjaran kepada pemegang saham kami dengan dividen interim sebanyak 18 sen.

“Ia merangkumi 49.4 peratus da-

**BAHARIN**

ripada Pelarasan Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATA-MI),” katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Baharin pada masa sama turut mengulas prestasi TNB 1H FY2023 yang berakhir 30 Jun lalu.

Menurutnya, walaupun menghadapi cabaran yang berpunca daripada margin bahan api negatif dan turun naik pertukaran asing, TNB melaporkan prestasi membanggakan. - Bernama